

Perbadanan majukan industri halal ditubuhkan

KUALA LUMPUR 1 Sept.- Kerajaan akan menubuhkan Perbadanan Kemajuan Industri Halal yang akan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan geran pelancaran berjumlah RM25 juta.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, perbadanan itu akan menyelaras serta memastikan segala

usaha memajukan industri halal dilaksanakan secara bersepadu lagi menyeluruh.

"Perbadanan ini akan menyelaraskan usaha-usaha mengemaskini piawaian halal, membangunkan industri halal tempatan, mempromosi produk dan perkhidmatan halal Malaysia di pasaran dunia serta menyokong pelaburan," kata beliau ketika membentangkan

Bajet Negara 2007 di sini, hari ini.

Sementara itu, kata Abdullah, Pameran Halal Antarabangsa Malaysia Ketiga (Mihas) serta *World Halal Forum 2006* yang telah mendapat sambutan membe-rangsangkan akan diteruskan sebagai acara tahunan.

Kerajaan turut mencadangkan peruntukan sebanyak RM50 juta disediakan untuk menyediakan tapak

Taman Halal (Halal Park) di Pasir Mas, Kelantan, Gambang, Pahang, Cendering, Terengganu dan Padang Besar, Perlis, katanya.

Bank Perusahaan Kecil Dan Sederhana (M) Bhd. (SME Bank) pula diperuntukkan sebanyak RM20 juta untuk pemberian pinjaman kepada usahawan yang membangunkan produk halal, jelasnya.